

Metodologi Tafsir al-Shaykh ʿAbd al-Rahman al-Saʿdi dalam *Taysir al-Karim al-Rahman* *fi Tafsir Kalam al-Mannan*

FADLAN MOHD OTHMAN
MUHD NAJIB ABDUL KADIR

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menyingkap dan mengenali kitab “Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan” yang dikarang oleh al-Shaykh ʿAbd al-Rahman al-Saʿdi, seorang cendekiawan kontemporari Islam di Bumi Semenanjung Arab. Walaupun kitab ini amat masyhur di Semenanjung Arab, tetapi ia masih tidak dikenali di tempat lain. Artikel ini ditumpukan terhadap aspek metodologi dan isi kandungan kitab “Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan”. Artikel ini adalah kajian kepustakaan dan analisis daripada penulis. Hasil penganalisisan, artikel ini menunjukkan ada lima aspek metodologi dan isi kandungan dalam kitab ini. Pertama, kitab ini merangkumi pelbagai perbincangan ilmu-ilmu Islam bersesuaian dengan latar belakang ilmu pengarangnya. Kedua, kitab ini lebih memberi penekanan kepada aspek akidah, akhlak dan istinbat. Ketiga, metod yang digunakan dalam kitab ini merupakan gabungan dua metod al-maʿthur dan al-raʿy. Keempat, sikap pengarang yang mementingkan kesahihan riwayat, didapati mengangkat nilai ilmiah kitab ini. Kelima, kitab ini menerangkan secara ringkas sahaja perihal perbincangan bahasa Arab.

ABSTRACT

The purpose of this article is to explore and be familiar with the book of “Taysir al-Karim al-Rahman fi tafsir Kalam al-Mannan” which was written by al-Shaykh ʿAbd al-Rahman al-Saʿdi, a contemporary Islamic scholar in the Arab Peninsular. Although the book is well known in the Arab Peninsular, but it is still unfamiliar elsewhere. This article is focused on the methodology and contents of the book of “Taysir al-Karim al-Rahman fi tafsir Kalam al-Mannan”. This article is based on literature reviews and writer’s analysis. This article points out that there are five aspects of the methodology and contents of the book. First, the book of “Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan” covers a wide range of Islamic knowledge which is consistent with the author’s knowledge. Second, the book emphasizes on the aspects of creed, manner and conclusion. Third, the method used in the interpretation is a combination of two methods namely the methods al-maʿthur and al-raʿy. Fourth,

the approach used by the author who gives priority to the authentic narration (riwayat) has increased the erudition of the book. Fifth, the book only discusses briefly on the Arabic Language.

PENDAHULUAN

Para ulama dan cendekiawan Islam sejak dari dahulu lagi telah mengambil berat tentang al-Quran. Mereka menumpukan perhatian kepada pengajian dan penafsiran kitab suci al-Quran ini. Usaha ini berterusan hingga ke zaman ini. Antara para cendekiawan Islam yang menceburi bidang tafsir ialah al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di rahimahullah (1307-1376H/1887-1956M), seorang ulama terkemuka di Semenanjung Tanah Arab. Beliau dikenali sebagai seorang cendekiawan yang berkhidmat dengan penuh kesungguhan mengajar al-Qur'an al-Karim dan lain-lain disiplin ilmu Islam.

Dalam artikel ini, perbincangan ditumpukan terhadap metodologi al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di dalam penulisan kitab tafsirnya bertajuk *Taysir al-Karim al-Rahmin fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Walaupun kitab ini dianggap penting sebagai rujukan ringkas, namun ia masih lagi tidak mendapat perhatian yang sewajarnya oleh para pengkaji, khususnya di instiusi-institusi pengajian tinggi.

METODOLOGI DAN KANDUNGAN *TAYSIR AL-KARIM AL-RAHMAN FI TAFSIR KALAM AL-MANNAN*

METODOLOGI AM

Metodologi seseorang penulis dapat dikenalpasti melalui dua cara (Bakr 1416H: 196):

1. Dengan penerangan penulis itu sendiri dalam muqaddimah kitabnya.
2. Dengan mengkaji isi penulisannya.

Menurut al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 9-10), tujuan dan maksud dia menulis kitab tafsirnya *Taysir al-Karim al-Rahmin fi Tafsir Kalam al-Mannan* ini ialah untuk menjadikan ertinya sebagai maksud utama dan tidak mementingkan huraiian lafaz-lafaz. Apa yang dinyatakan oleh beliau ini adalah bertepatan dengan pegangan para ulama Ahli al-Sunnah wa al-Jama°ah, sebagaimana yang dikatakan oleh al-Imam Shihabuddin °Abd al-Rahman Isma°il (1975: 193), yang dikenali dengan panggilan Abu Shamah al-Maqdisi, bahawa di sebalik kecekapan membaca al-Quran terdapat satu perkara yang lebih utama iaitu kefahaman terhadap maksud-maksudnya, amalan terhadap tuntutan-tuntutannya, pengawasan terhadap had-hadnya serta usaha untuk mengecapi

rasa *khashyat Allah* (gementar terhadap Allah) yang timbul di sebalik bacaan yang baik.

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 10), menyatakan bahawa umumnya metodologi dalam penulisan tafsirnya ialah untuk menyatakan erti setiap ayat yang terlintas di dalam ingatan, tanpa memadai dengan apa yang diterangkan pada tempat-tempat yang terdahulu. Ini bersesuaian dengan al-Quran itu sendiri yang bersifat *mathani* iaitu yang diulangkan di dalamnya berita-berita, kisah-kisah, hukum-hukum dan semua tajuk yang memberi manfaat berdasarkan kepada hikmat yang amat besar.

Berdasarkan pandangan al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di tersebut, dapat dikatakan bahawa metodologi al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di dalam kitab tafsirnya adalah menekankan aspek kemudahan dan pemahaman untuk menghasilkan penghayatan secara menyeluruh terhadap al-Quran.

METODOLOGI KHUSUS

Kaedah kedua untuk mencari metodologi seseorang penulis ialah dengan mengkaji isi kandungan penulisannya. Dengan kaedah ini, ia dapat dikenalpasti secara lebih mendalam. Antara isi kandungan kitab *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan* yang dikarang oleh al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di ialah penetapan akidah ahli al-Sunnah wa al-Jamaah.

PENETAPAN AKIDAH AHLI AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di adalah tergolong dalam Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah aliran al-Salaf al-Salih. Beliau didapati menekankan akidah yang dipercayainya dalam penulisannya. Dalam kitab tafsirnya *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, beliau didapati menulis dengan penuh penelitian terhadap akidah al-Sunnah wa al-Jamaah. Menurut al-Lalika'i (1995: 71), Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah mempunyai dua metodologi dalam penerangan akidah sahahah iaitu:

1. Penetapan akidah yang suci.
2. Penolakan terhadap kesamaran akidah golongan yang menyalahi mereka.

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di amat prihatin terhadap penetapan beberapa pegangan utama bagi Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah. Antara penetapan pegangan utama bagi Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah yang diberi perhatian oleh al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di ialah tauhid, syurga dan neraka, pelaku dosa besar dari kalangan ahli al-tawhid, iman dan para sahabat:

TAUHID

Di sisi Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah, tauhid dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (Ismail Omar 1999: 77-78):

1. Tawhid al-Ma'rifah
2. Tawhid al-Qasd wa al-Talab

Tawhid al-Ma'rifah ialah pengetahuan tentang hakikat Allah, sifat-Nya dan nama-Nya. *Tawhid al-Ma'rifah* ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

1. *Tawhid Rububiyah*; iaitu mengetahui dan mengakui bahawa Allah adalah Tuhan segala perkara dan mengesakan-Nya dalam segala perbuatan-Nya.
2. *Tawhid al-Asma wa al-Sifat*; iaitu percaya dan membenarkan segala nama-nama dan sifat-sifat Allah seperti yang diterangkan oleh-Nya mengenai diri-Nya dalam al-Quran dan dengan apa yang diterangkan oleh rasul-Nya dalam Hadith yang sah.

Tawhid al-Qasd wa al-Talab ialah mengesakan Allah yang berhak disembah atau diabdikan dalam segala jenis ibadah dan tidak kepada selain daripada-Nya. Ia juga dinamakan *Tawhid al-Uluhiyyah* atau *Tawhid al-Ibadah*. Pembahagian tauhid kepada dua bahagian utama iaitu *Tawhid al-Ma'rifah* dan *Tawhid al-Qasd wa al-Talab* adalah berdasarkan kepada kewajipan praktikal seseorang hamba yang *muwahhid*. Manakala pembahagian tauhid kepada tiga bahagian iaitu *Tawhid al-Rububiyah*, *Tawhid al-Asma wa al-Sifat* dan *Tawhid al-Uluhiyyah* adalah berdasarkan kepada isi kandungan tauhid itu sendiri (Muhammad Khalil Harras 1986: 11).

Pembahagian ini adalah menepati intipati al-Quran dan al-Sunnah. Para ulama didapati membahagikan tauhid kepada bahagian-bahagian ini dengan tujuan untuk memudahkan kefahaman terhadap mesej yang dibawa oleh al-Quran dan al-Sunnah. Kesemua bahagian tauhid ini mesti wujud dalam diri seseorang individu. Kekurangan dalam mana-mana jenis tauhid tersebut, bererti kekurangan dalam keseluruhan tauhid itu (al-Tamimi 1996: 47).

Apakah metodologi yang digunakan oleh al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Sa'di dalam penetapan *Tawhid al-Rububiyah*, *Tawhid al-Asma wa al-Sifat* dan *Tawhid al-Uluhiyyah*? Dalam hal penetapan ketiga-tiga jenis tauhid ini, al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Sa'di didapati menggunakan metodologi berikut:

TAWHID AL-RUBUBIYYAH

Al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Sa'di seringkali menerangkan *rububiyah* Allah apabila ada ayat al-Quran yang menyentuh aspek ini (al-Sa'di 1997: 23). Contohnya

ialah semasa membuat rumusan tafsir surah *al-Fatihah*, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menerangkan bahawa surah ini merangkumi ketiga-tiga jenis tauhid itu (al-Sa°di 1997: 23). Selain daripada itu, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di juga menerangkan kaitan antara *Tawhid al-Rububiyah* dengan *Tawhid al-Uluhiyyah*. Menurut beliau *Tawhid al-Rububiyah* menuntut makhluk melaksanakan *Tawhid al-Uluhiyyah* (al-Sa°di 1997: 28).

TAWHID AL-ASMA WA AL-SIFAT

Dalam perbincangan berkaitan dengan *Tawhid al-Asma wa al-Sifat*, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menegaskan bahawa antara dasar yang disepakati oleh para salaf dan imam-imam agama ialah beriman kepada Allah dan sifat-sifat-Nya serta menerima pengertian sifat-sifat itu. Sebagai contoh, mereka beriman bahawa nama Allah ialah *al-Rahman* dan *al-Rahim*, dan Allah mempunyai sifat Rahmat. Segala nikmat adalah kesan dari Rahmat Allah. Begitulah keadaannya dalam semua sifat-sifat Allah (al-Sa°di 1997: 9-22).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di didapati melaksanakan kaedah ini dalam penetapan kesemua sifat-sifat Allah. Contohnya firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Maka lindungilah ia supaya ia sempat mendengar firman Allah (al-Tawbah 9: 6).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menjelaskan bahawa di dalam surah al-Tawbah, ayat 6 ini, terdapat hujah yang jelas bagi mazhab Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah yang menyatakan bahawa al-Quran adalah kata-kata Allah, dan bukannya makhluk. Allah telah berkata-kata dengannya, dan menyandarkannya kepada diri-Nya sebagai sandaran sifat kepada empunya sifat (al-Sa°di 1997: 9-290).

Pandangan al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di ini adalah bertepatan dengan apa yang dibawa oleh Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah aliran al-Salaf al-Salih iaitu menetapkan nama-nama dan sifat-sifat Allah seperti yang telah ditetapkan oleh Allah (s.w.t.) dan Rasul-Nya tanpa *tahrif* (penyelewengan), *ta°til* (penghapusan), *takyif* (persoalan/pertanyaan) dan *tamthil* (penyerupaan) (al-Ashqar 1984: 225).

TAWHID AL-ULUHIYAH

Dalam menetapkan *Tawhid al-Uluhiyyah*, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di mengingatkan para pembaca bahawa kewajiban Muslim ialah merealisasikan tujuan sebenar makhluk dicipta oleh Allah (s.w.t.) iaitu memperhambakan dirinya kepada Allah (s.w.t.) semata-mata. Beliau juga menegaskan matlamat utama penciptaan makhluk jin dan manusia ialah untuk *ma°rifah* dan *°ibadah*; mengenal Allah melalui nama-nama dan sifat-sifat-Nya, serta melaksanakan tuntutan hamba terhadap Tuhannya iaitu melakukan ibadat berdasarkan kitab Allah (s.w.t.) dan sunnah Rasulullah (s.a.w.). Contohnya, firman Allah (s.w.t.) dalam surah Ghafir, ayat 61 yang bermaksud:

Allah-lah yang menjadikan malam untuk kamu supaya kamu beristirahat padanya; dan menjadikan siang terang benderang. Sesungguhnya Allah benar-benar mempunyai kurnia yang dilimpahkan atas manusia, akan tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur (Ghafir 40: 61).

Dalam mentafsir surah Ghafir, ayat 61 ini, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 687) menyatakan bahawa terdapat dua tujuan utama penciptaan makhluk iaitu *ma°rifah* (pengetahuan tentang Allah) dan *°ibadah* (penghambaan diri kepada Allah).

SYURGA DAN NERAKA

Di sisi Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, syurga dan neraka telah dicipta dan keduanya wujud sekarang ini (al-Hanafi 1986, 2: 171). Dalam hal berkaitan dengan syurga dan neraka, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menetapkan akidah ini berdasarkan firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Neraka ... yang disediakan bagi orang-orang kafir (al-Baqarah 2: 24).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menegaskan bahawa surah al-Baqarah, ayat 24 ini, dan ayat-ayat seumpamanya adalah dalil bagi aliran Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah yang menyatakan bahawa syurga dan neraka itu telah dicipta. Pandangan ini adalah bersalahan dengan aliran *al-Mu°tazilah* (al-Sa°di 1997: 28).

PELAKU DOSA BESAR DARIPADA KALANGAN AHLI AL-TAWHID

Di sisi Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, kesudahan pelaku dosa besar daripada kalangan ahli tawhid dan tempat kembali mereka ialah ke Syurga dan mereka tidak akan kekal di dalam neraka (al-Shaybani 1993, 1: 395). Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menetapkan akidah ini dengan berdasarkan kepada tafsir firman Allah (s.w.t.) dalam surah al-Baqarah, ayat 24 yang bermaksud:

Neraka ... yang disediakan bagi orang-orang kafir (al-Baqarah 2: 24).

Menurut al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 28), surah al-Baqarah, ayat 24 ini mengandungi petunjuk bahawa ahli tauhid tidak akan kekal di dalam neraka walaupun mereka melakukan beberapa dosa besar. Ini disebabkan Allah (s.w.t.) berfirman dengan maksudnya "... yang disediakan untuk orang-orang kafir" (al-Baqarah 2: 24). Oleh itu, jika pelaku maksiat tersebut adalah terdiri daripada kalangan ahli tauhid yang kekal di dalam neraka, maka neraka itu bukan disediakan untuk orang-orang kafir sahaja.

IMAN

Di sisi Ahli al-Sunnah wal-Jamaah, iman adalah satu perkara yang merangkumi pengikhlasan hati kepada Allah, pengakuan lidah dan perbuatan dengan anggota badan (Abu °Ubayd 1983: 9). Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menetapkan akidah ini dengan berdasarkan kepada firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, mereka itu orang-orang *Siddiqin* dan orang-orang yang menjadi saksi di sisi Tuhan mereka. Bagi mereka pahala dan cahaya mereka. Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, mereka itulah penghuni-penghuni neraka (al-Hadid 57: 19).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 780) menyatakan bahawa iman di sisi Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah ialah apa yang ditunjuk dalam al-Quran dan al-Sunnah, iaitu kata hati dan lidah di samping amalan hati, lidah dan anggota badan. Justeru itu, iman itu merangkumi keseluruhan syariat Islam yang zahir dan batin.

PARA SAHABAT

Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah bersepakat bahawa semua orang mempunyai kewajipan untuk menghormati para sahabat dengan menetapkan keadilan, memuji dan tidak melemparkan tuduhan kepada mereka. Ini adalah kerana Allah (s.w.t.) sering memuji dan mengampuni mereka dalam al-Quran (al-Haitami 1997, 2: 603). Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menetapkan akidah ini dengan berdasarkan kepada firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Dan mengapa kamu tidak menafkahkan (sebagian hartamu) pada jalan Allah, padahal Allah-lah yang mempusakai (mempunyai) langit dan bumi? Tidak sama di antara kamu orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sebelum penaklukan (Mekah). Mereka lebih tinggi derajatnya daripada orang-orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka (balasan) yang lebih baik. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan (al-Hadid 57: 10).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 779) menerangkan bahawa surah al-Hadid, ayat 19 ini menunjukkan kelebihan para sahabat (r.a.). Ini disebabkan Allah (s.w.t.) memperakui keimanan mereka dan berjanji akan memberi mereka syurga sebagai balasan. Beliau juga menyatakan bahawa kata-kata para sahabat adalah hujah, khususnya para khulafa yang empat. Beliau berpandangan begitu kerana para sahabat terkenal dengan kesungguhan untuk kembali dan bertaubat kepada Allah (s.w.t.). Dalam hal ini, Allah (s.w.t.) berjanji akan memberi hidayat kepada mereka yang mempunyai kesungguhan untuk kembali dan bertaubat kepada Allah (s.w.t.). Dalam ayat al-Quran yang lain, Allah (s.w.t.) juga menyatakan orang yang bersifat seperti sifat para sahabat hendaklah dijadikan ikutan (al-Sa°di 1997: 701).

PENOLAKAN AKIDAH MENYELEWENG

Metod kedua Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah dalam penerangan akidah sahahah ialah dengan menyanggah akidah yang menyeleweng (al-Lalika'I 1995: 71). Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di tidak ketinggalan dalam usaha murni ini. Beliau menyanggah akidah menyeleweng golongan yang menyimpang dari landasan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah. Contohnya firman Allah yang bermaksud:

Dan janganlah kamu memakan binatang-binatang yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya. Sesungguhnya perbuatan yang semacam itu adalah suatu kefasikan. Sesungguhnya syaitan itu membisikkan kepada kawan-kawannya agar mereka membantah kamu; dan jika kamu menuruti mereka, sesungguhnya kamu tentulah menjadi orang-orang yang musyrik (al-An°am 6: 121).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 234) mentafsirkan surah al-An°am, ayat 121 ini, dengan menyatakan bahawa apa sahaja yang terpancar dalam hati iaitu ilham dan kashaf, yang banyak terdapat di sisi golongan *al-Sufiyyah*, hanya boleh diterima apabila ia disahkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Penerimaannya adalah bergantung kepada kesesuaiannya dengan al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya kesesuaiannya tidak diketahui, maka penerimaannya hendaklah ditangguhkan. Ini disebabkan ilham dan kashaf juga boleh datang daripada bisikan syaitan. Oleh itu, mestilah dibezakan antara apa yang datang daripada syaitan dan apa yang datang daripada Allah (s.w.t.).

TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN

Al-Tafsir bi al-Ma'thur ialah tafsiran yang merangkumi keterangan daripada al-Quran, sunnah Rasulullah (s.a.w.), para sahabat, dan para tabiin yang merupakan tafsiran ayat-ayat al-Quran (al-Dhahabi t.th., 1: 152). Metod ini merupakan metod pentafsiran yang terulung dalam mencari tafsiran sebenar ayat-ayat al-Quran (Ibnu Taymiyyah 1995: 127).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai tafsiran kepada sesuatu ayat yang sedang diterangkan. Usaha ini menjadikan kitabnya sebuah kitab tafsir yang mempunyai ciri-ciri *al-Tafsir bi al-Ma'thur*. Dalam penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai tafsiran khususnya, beliau mempunyai beberapa metod. Antara metod tersebut ialah:

1. Menggunakan satu ayat lain untuk menguatkan tafsiran sesuatu ayat (al-Sa°di 1997: 29).
2. Menggunakan beberapa ayat lain untuk menguatkan tafsiran sesuatu ayat (al-Sa°di 1997: 130).
3. Mengaitkan antara satu ayat dengan ayat lain dalam surah yang sama (al-Sa°di 1997: 202).

4. Mengaitkan antara satu ayat dengan ayat lain dalam surah yang berlainan (al-Sa°di 1997: 590).
5. Menerangkan ayat khusus dan ayat umum (al-Sa°di 1997: 184).
6. Menerangkan ayat *nasikhah* (yang memansukhkan) dan ayat *mansukhah* (yang dimansukhkan) (al-Sa°di 1997: 144).
7. Meleraikan tanggapan wujudnya percanggahan antara zahir dua ayat (al-Sa°di 1997: 692).
8. Kadangkala, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di ada juga menerangkan bacaan-bacaan (*qiraat*) beberapa ayat (al-Sa°di 1997: 850).

TAFSIR AL-QURAN DENGAN HADITH

Al-Imam al-Qurtubi (1985, 1: 37-39) menyatakan bahawa sekiranya hadith itu ternyata *thabit* daripada Rasulullah (s.a.w.), penerimaannya adalah satu kemestian. Beliau juga menjelaskan bahawa keterangan dari Rasulullah terbahagi kepada dua iaitu:

1. Keterangan terhadap perkara *mujmal* dalam al-Quran seperti permasalahan solat lima waktu, zakat, haji dan lain-lain.
2. Keterangan terhadap perkara yang tidak disentuh hukumnya oleh al-Quran seperti pengharaman nikah perempuan (ibu saudara sebelah ibu ataupun ayah), pengharaman keldai gunaan, pengharaman binatang bertaring dan lain-lain.

Al-Imam al-Qurtubi (1985, 1: 79-80) juga memberi amaran terhadap bahayanya menggunakan hadith yang *batil* (bohong) dalam pentafsiran al-Quran khususnya dalam bab *fadhail* surah. Beliau menyarankan agar manusia mengambil hadith daripada kitab yang digunapakai oleh para ulama sahaja serta menjauhkan diri daripada sumber yang tidak benar dan lemah. Beliau menegaskan bahawa Rasulullah (s.a.w.) melarang perbuatan berdusta dalam meriwayatkan hadithnya.

Dalam penggunaan hadith, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 258) menetapkan bahawa hadith yang boleh diterima hanya hadith yang sahih sahaja. Hadith yang tidak sahih atau tidak diketahui sumbernya, tidak diperlukan oleh Islam. Beliau mempunyai dua cara dalam memperdalilkan hadith:

1. Memberi isyarat bahawa terdapat dalil daripada hadith berkenaan permasalahan yang dibincangkan. Contohnya firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita (al-Baqarah 2: 178).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 67) menyatakan bahawa *mantuq* surah al-Baqarah, ayat 178 ini menunjukkan bahawa *qisas* merangkumi semua

jenis pembunuhan termasuk lelaki yang membunuh wanita. Elemen yang terkecuali daripada keumuman ini ialah ibu atau bapa membunuh anak. Mereka tidak boleh dihukum bunuh berdasarkan kepada dalil al-Sunnah. Dalam hal ini, beliau didapati mengisyaratkan dalil dengan makna hadith. Hadith ini adalah bersamaan dengan hadith yang bermaksud:

Tidak boleh dihukum bunuh seorang bapa kerana membunuh anaknya (Ibn Majah t.th. Kitab 21, Bab 22).

2. Membawa lafaz hadith yang berkaitan dengan sesuatu tafsiran ayat. Contohnya ialah:

a. Hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

Tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila bercakap dia berbohong, apabila berjanji dia memungkiri, apabila diberi amanah dia mengkhianati serta apabila bertelagah dia melampaui (al-Bukhari t.th. Kitab 2: Bab 23; Lihat al-Sa^odi 1997: 25).

b. Hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

Beruntunglah Suhaib dalam jual beli (Ibn Hibban; Lihat al-Sa^odi 1997: 76).

c. Hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

Bagaimanakah boleh berjaya sesuatu kaum yang telah mencederakan wajah Nabi mereka dan memecahkan giginya (Muslim t.th. Kitab 32: Bab 37; Lihat al-Sa^odi 1997: 114).

Kajian *takhrij* hadith yang digunakan oleh al-Shaykh Abdul Rahman Al-Sa^odi, menunjukkan bahawa beliau benar-benar berusaha ke arah memartabatkan hadith sahih dalam pentafsiran al-Quran. Walaupun begitu, sebagai seorang manusia, beliau tidak terlepas dari melakukan kesilapan seperti lima hadith berikut:

a. Hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

Celakalah Tha^olabah (al-Tabarani; Lihat al-Sa^odi 1997: 304).

b. Hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

Tidak beriman seseorang daripada kamu sehinggalah nafsunya mengikuti apa yang aku bawa (al-Nawawi; Lihat al-Sa^odi 1997: 301).

c. Hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

Perkara halal yang paling dibenci di sisi Allah ialah talak (Abu Daud t.th. Kitab 7: Bab 3; Lihat al-Sa^odi 1997: 84).

d. Hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

Baginda telah memberi nenek satu per enam (al-Tirmidhi t.th. Kitab 30: Bab 9; Lihat al-Sa^odi 1997: 132).

e. Hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:

Wahai Tuhanku, ini adalah pembahagianku dalam perkara yang aku miliki. Janganlah Engkau memarahiku dalam perkara yang aku tidak miliki (Abu Daud t.th. Kitab 6: Bab 39; Lihat al-Sa°di 1997: 616).

Jelasnya, al-Shaykh Abdul Rahman al-Sa°di telah membuat kesilapan dengan membawa lima hadith yang tidak sah ini. Kesilapan ini disebabkan oleh dua faktor iaitu:

1. Beliau berpegang kepada pendapat sesetengah ulama yang mensahihkan hadith yang dianggap *daif* oleh sebahagian yang lain. Perkara ini berlaku kerana para ulama *al-jarh wa al-ta°dil* terbahagi kepada tiga kategori iaitu (°Abd al-Latif 1412H: 50):
 - a. Mutashaddidin
 - b. Mu°tadilin
 - c. Mutasahilin
2. Beliau berpegang kepada kitab-kitab tafsir yang menjadi sumber rujukannya dalam penulisan kitab tafsirnya. Apabila kebanyakan ahli tafsir membawa hadith yang sama, maka timbul sangkaan bahawa hadith itu adalah sah dan boleh diterima.

PENGGUNAAN PENDAPAT ULAMA

Islam memberi satu kedudukan istimewa dan tinggi kepada para ulama. Dalam Islam, para ulama adalah sebagai orang tengah yang bertugas menyampaikan hukum Allah kepada manusia. Kedudukan yang diberi kepada para ulama ini adalah bersifat keagamaan dan berasaskan kepada dua kaedah penting iaitu (al-Luwaihiq 1994: 43):

1. Ketaatan terhadap para ulama secara langsung adalah ketaatan terhadap Allah (s.w.t.) dan Rasulullah (s.a.w). Oleh itu, pelaksanaan perintah mereka adalah satu kewajipan.
2. Ketaatan terhadap para ulama adalah satu ketaatan yang berkondisi. Maksudnya ketaatan tersebut mestilah di bawah naungan ketaatan terhadap Allah (s.w.t.) dan Rasulullah (s.a.w.). Dengan kata lain, ulama tidak boleh ditaati sekiranya mereka menyalahi perintah Allah (s.w.t.) dan Rasulullah (s.a.w.).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di didapati menggunakan pendapat ulama bagi menguatkan kenyataan terhadap ayat al-Quran. Beliau menggunakan pendapat ulama yang berlainan jurusan kerana ilmu tafsir memerlukan pelbagai

jenis ilmu untuk memahami satu-satu tafsiran ayat al-Quran. Metod yang digunakan oleh beliau dalam mengenengahkan pendapat para ulama ialah:

1. Menyatakan pendapat para sahabat (al-Sa[°]di 1997: 181).
2. Mengambil pendapat ulama daripada kitab-kitab mereka (al-Sa[°]di 1997: 740).
3. Menyatakan pendapat ulama tanpa *tarjih* (al-Sa[°]di 1997: 596).
4. Menyatakan pendapat ulama tafsir bersama *tarjih* (al-Sa[°]di 1997: 311).
5. Menyatakan pendapat yang *rajih* sahaja (al-Sa[°]di 1997: 69).
6. Menyatakan kelemahan pendapat yang *marjuh* (al-Sa[°]di 1997: 92).
7. Menyatakan pendapat ulama bersama nama mereka (al-Sa[°]di 1997: 333).

PERBINCANGAN FIQH

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa[°]di mempunyai beberapa metod untuk menerangkan sesuatu hukum. Metod tersebut ialah:

1. Mengutara pendapat *rajih* sahaja (al-Sa[°]di 1997: 615).
2. Mengutara beberapa pendapat tanpa *tarjih* (al-Sa[°]di 1997: 183).
3. Mengutara beberapa pendapat bersama *tarjih* (al-Sa[°]di 1997: 87).
4. Mengutara hukum berdasarkan *mafhum* ayat (al-Sa[°]di 1997: 73).
5. Mengumpul hukum-hukum (al-Sa[°]di 1997: 132-136).

Dengan ini, dapat dikatakan bahawa al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa[°]di mementingkan sudut kefahaman terhadap hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran. Beliau didapati tidak banyak membawa perselisihan yang berlaku antara para fuqaha. Melalui metod yang digunakan ini, beliau dapat mengekalkan kitabnya sebagai satu kitab yang ringkas dan padat.

RIWAYAT ISRAILIYYAT

Dalam penggunaan riwayat-riwayat *Israiliyyat*, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa[°]di (1997: 37-38) menyatakan bahawa riwayat-riwayat ini tidak boleh dijadikan tafsiran kepada kitab Allah (s.w.t.) sekiranya ia tidak sah daripada Rasulullah (s.a.w.). Pandangan beliau ini adalah berdasarkan kepada hadith ini yang bermaksud:

Janganlah percaya kepada ahli kitab dan jangan pula mendustakan mereka (al-Bukhari t.th. Kitab 68: Bab 13).

Setelah membuat perbandingan antara apa yang disenaraikan sebagai kisah atau tafsiran *Israiliyyat* oleh al-Shaykh Muhammad bin Muhammad Abu Shuhbah dengan tafsiran al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa[°]di, didapati kitab tafsir ini suci

daripada kisah atau tafsiran *Israiliyyat*. Bagaimanapun, firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami telah menguji Sulaiman dan Kami jadikan (dia) tergeletak di atas kursinya sebagai tubuh (yang lemah karena sakit), kemudian ia bertaubat (Sad, 38: 34).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di mentafsirkan “tubuh” itu dengan syaitan. al-Shaykh Abu Shuhbah pula membawa satu riwayat daripada al-Qadi °Iyad dan Ibn Kathir bahawa tafsir “tubuh” dengan syaitan adalah tafsiran yang diambil daripada *israiliyyat* (Abu Shuhbah 1408H: 272-274). Walaupun begitu, ada kemungkinan tafsiran ini bukan diambil daripada tafsiran *israiliyyat*, tetapi terdapat sandarannya daripada hadith. Ini berdasarkan kepada kenyataan Imam al-Bukhari yang mentafsirkan “tubuh” itu dengan syaitan (al-Bukhari t.th. Kitab 64: Bab 41).

PENJELASAN *ASBAB AL-NUZUL*

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di, seperti juga kebanyakan para mufassirin yang lain, membawa *asbab al-nuzul* bagi sesetengah ayat yang ditafsirkannya. Metod yang digunakan ialah:

1. Menerangkan rumusan sesuatu peristiwa bersama nama mereka yang melalui peristiwa itu (al-Sa°di 1997: 829).
2. Menerangkan rumusan sesuatu peristiwa itu secara ringkas tanpa nama mereka yang melalui peristiwa itu (al-Sa°di 1997: 783).
3. Membawa kisah itu secara ringkas dan menyeluruh (al-Sa°di 1997: 281).

PENGGUNAAN *USUL*

Dalam bidang *usul* atau dasar-dasar agama Islam, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di menyingkap penggunaan *usul* yang sering digunakan oleh para ulama untuk memudahkan para pembaca memahami erti ayat al-Quran, dan makna ayat al-Quran yang tersirat. Contoh bagi *usul* yang ditonjolkan oleh beliau ialah firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Dan dari kuda-kuda yang ditambah untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu (al-Anfal 8: 60).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 286) mentafsirkan surah al-Anfal, ayat 60 ini dengan menyatakan bahawa ia membawa kaedah berikut yang maksudnya:

Perkara yang tidak sempurna sesuatu perkara wajib kecuali dengannya, maka perkara itu juga hukumnya wajib (al-Amidi 1404H, 2: 204).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di juga mengemukakan sejumlah usul dan kaedah umum yang diperlukan oleh mufassir di permulaan kitabnya. Hal ini menunjukkan bahawa beliau amat menekankan kefahaman terhadap usul bagi memudahkan proses pemahaman ayat al-Quran.

PENGGUNAAN BAHASA ARAB

Abdullah bin °Abbas (r.a.) menyatakan bahawa di antara bentuk tafsir ialah tafsir yang diketahui oleh orang Arab yang memahami bahasa Arab. Menurut beliau, tafsir terbahagi kepada empat bentuk iaitu tafsir yang tiada kelonggaran bagi sesiapaupun untuk memahaminya, tafsir yang dapat diketahui oleh orang Arab melalui bahasa mereka, tafsir yang dapat diketahui oleh para ilmuan yang mantap dalam ilmu mereka, dan tafsir yang tidak boleh diketahui kecuali Allah (s.w.t.) (Ibn Kathir 1999, 1: 479).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di memberikan penekanan terhadap pemahaman bahasa Arab asli yang dapat membantu seseorang Muslim itu memahami erti dan pengajaran yang diturunkan oleh Allah (s.w.t.) dalam al-Quran. Beliau mengambil pendekatan mudah untuk menyampaikan pengertian perkataan-perkataan yang ingin dijelaskan agar dapat dihadam oleh para pembaca yang berbeza latar belakang dalam bidang ilmu. Antara metod beliau dalam penjelasan bahasa Arab al-Quran ialah (al-Sa°di 1997: 614):

1. Penerangan erti *al-Asma al-Husna* di permulaan kitabnya.
2. Penjelasan erti sesuatu perkataan secara mudah (al-Sa°di 1997: 705).
3. Penjelasan terhadap mufrad sesuatu perkataan (al-Sa°di 1997: 606).
4. Penjelasan erti sesuatu perkataan dengan menerangkan contoh-contohnya (al-Sa°di 1997: 614).
5. Penjelasan tentang beberapa syarat bagi sesetengah perkara (al-Sa°di 1997: 645).
6. Pembahagian sesuatu perkataan itu kepada beberapa keadaannya (al-Sa°di 1997: 633).
7. Pembahagian sesuatu perkataan itu kepada beberapa jenisnya (al-Sa°di 1997: 579).
8. Penerangan tentang perbezaan satu perkataan dalam dua ayat (al-Sa°di 1997: 668).
9. Penolakan terhadap pengertian yang salah bagi sesuatu perkataan (al-Sa°di 1997: 34).
10. Penerangan erti huruf yang mengiringi perkataan itu untuk menjustifikasikan sesuatu makna (al-Sa°di 1997: 655).
11. Penggunaan peribahasa Arab untuk menguatkan erti sesuatu perkataan (al-Sa°di 1997: 116).

PERBINCANGAN AKHLAK

Risalah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.) menekankan sudut akhlak yang mulia. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam Hadith yang bermaksud:

Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan budi pekerti (al-Bayhaqi t.th. Kitab 82: Bab 40).

Dalam perbincangan akhlak dan peradaban, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di amat peka dengan keperluan masyarakat dan pembaca. Oleh itu, beliau sering menekankan bidang akhlak dan peradaban ini. Contohnya firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Dan terhadap nikmat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya (dengan bersyukur) (al-Duha 93: 10).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 858) didapati mentafsirkan surah al-Duha, ayat 10 ini dengan menyatakan bahawa para pengajar mestilah berbudi pekerti mulia bersama penuntut ilmu. Ringkasnya, dapat dikatakan bahawa apabila beliau mempunyai peluang untuk menekankan sudut kemuliaan akhlak, beliau pasti akan memberi komitmen yang sewajarnya. Metod beliau ini menjadikan kitab tafsirnya kaya dengan penerangan mengenai dasar akhlak mulia yang dianjurkan oleh al-Quran.

PENGGUNAAN *ISTINBAT*

Jalal al-din al-Sayuti (1992: 348) menyatakan bahawa al-Quran adalah satu gudang ilmu yang amat kaya. Dalam al-Quran terdapat semua jenis ilmu. Bagaimanapun, pengetahuan seseorang tentang semua jenis ilmu ini adalah bergantung kepada kemampuan seseorang itu untuk mengistinbatkannya. Ia adalah satu kurniaan dari Allah (s.w.t.) kepada sesetengah hamba-hamba-Nya.

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di didapati banyak merumuskan faedah ayat al-Quran yang dapat dijadikan pengajaran kepada pembaca, memudahkan pemahaman dan amalan pembaca terhadap isi kandungan ayat al-Quran. Metod yang digunakan oleh beliau dalam *istinbat* (rumusan) ini adalah seperti berikut:

1. Menyatakan *istinbat* ayat al-Quran. Contohnya firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya (al-Anfal 8: 61).

Berkaitan dengan surah al-Anfal, ayat 61 ini, al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 286) merumuskan bahawa terdapat tiga faedah perdamaian di antara golongan Islam dan golongan kafir iaitu:

- a. Mencari kesejahteraan merupakan satu perkara yang dituntut.
 - b. Pendamaian memberi peluang untuk memperkuat kekuatan tentera Islam.
 - c. Pendamaian akan membuahkan keamanan dan memberi peluang kepada orang ramai untuk mengenali Islam.
2. Menyatakan *istinbat* sejumlah ayat al-Quran. Contohnya surah Hud, ayat 84-94. al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 344) didapati merumuskan 14 faedah dan pengajaran daripada kisah Nabi Shu°aib yang terdapat dalam al-Quran, surah Hud, ayat 84-94 ini.
 3. Menyatakan *istinbat* sesuatu surah. Contohnya di akhir tafsiran surah al-Fatihah. al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 23) didapati membuat rumusan di akhir tafsirannya mengenai surah al-Fatihah dengan menyatakan intipati surah al-Fatihah yang mengandungi asas-asas penting ajaran Islam.

PERBINCANGAN KEMODENAN DAN ILMU

Agama Islam ialah satu agama yang menekankan kedua-dua aspek keduniaan dan kerohanian. Dengan adanya keseimbangan di antara dua aspek yang berlainan ini seperti aspek duniawi dan ukhrawi, umat Islam akan memperoleh kejayaan dan tempat yang lebih tinggi daripada bangsa lain di dunia dan akhirat (al-Qaradawi 1999: 173).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 150) dalam metodologi tafsirnya juga membincangkan aspek yang berkaitan dengan kemodenan dan ilmu keduniaan. Beliau didapati tidak menolak perubahan zaman ke arah kemodenan dan kecanggihan ilmu pengetahuan. Beliau berpendapat aspek kemodenan dan ilmu keduniaan tidak sekali-kali bercanggah dengan tuntutan ibadah. Pendapat beliau ini adalah berasaskan kepada firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, bersiap siagalalah kamu (al-Nisa' 4: 71).

Al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di (1997: 150) menyatakan bahawa perintah Allah (s.w.t.) dalam surah al-Nisa', ayat 71 ini adalah merangkumi pengajian tentang semua jenis kemahiran yang dapat mempertahankan kesatuan umat Islam.

KESIMPULAN

Kajian terhadap kitab *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan* ini didapati menghasilkan beberapa faedah. Antara faedah tersebut ialah:

1. Ringkas tetapi merangkumi pelbagai perbahasan penting seperti akidah, fiqh dan akhlak.

2. Mempunyai satu penampilan yang mudah dan ringan dalam perbincangan tafsir. Pelbagai sudut ilmu Islam seperti *al-qiraat*, *usul*, *lughah* dan *asbab al-nuzul* disentuh secara sederhana.
3. Menggabungkan metod *al-ma'thur* dan metod *al-ra'y* dalam tafsirnya.
4. Kaya dengan *istinbat* mengikut perbincangan ayat-ayat al-Quran dalam pelbagai bidang.
5. Mementingkan penggunaan sumber yang sah dan menolak penggunaan sumber yang tidak diiktiraf oleh ulama. Walaupun begitu, masih terdapat beberapa hadith *daif* di dalamnya.
6. Suci daripada riwayat *al-Israiliyyat*, bersesuaian dengan pegangan al-Shaykh °Abd al-Rahman al-Sa°di yang menolak secara menyeluruh periwayatan *al-Israiliyyat* dalam bidang tafsir. Selain daripada itu, kitab ini mengandungi sanggahan terhadap pegangan dan *i'tiqad* golongan yang menyeleweng daripada landasan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
- al-°Abd al-Latif, °Abd al-°Aziz bin Muhammad. 1412H. *Dawabit al-jarh wa al-ta°dil*. Madinah al-Munawwarah: Matabi° al-Jami°ah al-Islamiyyah.
- Abu °Ubayd al-Qasim bin Sallam. 1403H/1983. *Kitab al-Iman*. Ed. ke-2. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Abu Dawud, Al-Sijistani al-Azdi, Sulaiman bin al-Ash°ath. *Sunan*. Tahqiq. Muhammad Muhyi al-Din °Abd al-HamId. t.tp.: Dar al-Fikr.
- al-Amidi, Ali bin Muhammad. 1404H. *Ihkam al-ahkam*. Tahqiq. Sayyid al-Jumayli. Beirut: Dar al-Kutub al-°Arabi.
- al-Ashqar, °Umar Sulaiman, Dr. 1984. *al-°Aqidah fi Allah*. Ed. ke-4. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Bakr bin °Abd Allah Abu Zayd. 1416H. *Hilyah talib al-°ilm*. Dlm. *al-Majmu°ah al-°Imiyyah*. Riyadh: Dar al-°Asimah.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1410H/1990. *Sahih*. Ed. ke-4. Damshiq: Dar Ibn Kathir.
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn, Dr. *al-Tafsir wa al-mufasssirun*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-°Arabi.
- al-Dimishqi, Isma°il bin °Umar bin Kathir al-Qurashi. 1419H/1999. *Tafsir al-Qur'an al-°Azim*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- al-Hanafi, °Ali bin Ali bin Muhammad bin Abi al-°Izz. 1407H/1986. *Sharh al-Tahawiyyah fi al-°aqidah al-Salafiyyah*. Ed. ke-2. Riyadh: Maktabah al-Ma°arif.
- al-Haytami, Abu al-°Abbas Ahmad bin Muhammad bin Muhammad bin °Ali bin Hajar. 1417H/1997. *al-Sawa°iq al-muhriqah °ala ahl al-rafd wa al-dalal wa al-zandaqah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibnu Taymiyyah, Ahmad bin °Abd al-Halim. 1415H/1995. *Muqaddimah fi usul al-tafsir*. Dlm. al-°Uthaymin, Muhammad bin Salih. *Sharh Muqaddimah al-Tafsir*. Riyadh: Dar al-Watan.
- Ismail bin Omar. 1999. *Manhaj aqidah Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah*. Shah Alam: Terbitan Access Infotech (M) Sdn. Bhd.

- al-Lalika'i, Abu al-Qasim Hibah Allah bin al-Husayn al-Tabarani. 1416H/1995. *Sharh usul Ahli al-Sunnah wa a-Jama'ah*. Tahqiq. al-Ghamidi, Ahmad bin Hamdan, Dr. Ed. ke-4. Riyad: Dar Taybah.
- al-Luwayhiq, °Abd al-Rahman bin Mu°alla. 1415H/1994. *Qawa'id fi al-ta°amul ma°a al-°ulama'*. t.tp.: Dar al-Warraq.
- al-Maqdisi, Shihab al-Din °Abd al-Rahman bin Isma'il bin Ibrahim Abu Shamah. 1395H/1975. *Kitab al-murshid al-kabir ila °ulum tata°allaq bi al-kitab al-°Aziz*. Tahqiq. Tayyar Alti Qulaj. Beirut: Dar Sadir.
- Muhammad Khalil Harras. 1406H/1986. *Da°wah al-tawhid usuluha al-adwar al-lati marrat biha mashahir du°atiha*. Beirut. Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Muhammad bin Muhammad Abu Shuhbah. 1408H. *al-Israiliyyat wa al-Mawdu°at fi kutub al-tafsir*. Ed. ke-4. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf al-Din. *Matn al-arba°in al-Nawawiyyah*. t.tp.: Dar al-Fikr.
- al-Qaradawi, Yusuf, Dr. 1999. *Tamadun Islam alternatif masa depan*. Terj. Juanda Jaya, Haji. Bandar Baru Bangi: Maktabah al-Qardawi.
- al-Qazwini, Muhammad bin Yazid bin Majah. *Sunan*. Tahqiq. Muhammad Fu°ad °Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qur'an dan Terjemahnya*. 1412H. Madinah al-Munawwarah: Mujamma' Khadim al Haramain al-Sharifain al Malik Fahd li thiba'at al Mushaf al-Sharif.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1405H/1985. *al-Jami° li ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi.
- al-Qushayri al-Naysaburi, Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih*. Tahqiq Muhammad Fu°ad °Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi.
- al-Sa°di, °Abd al-Rahman bin Nasir. 1417H/1997. *Taysir al-Karim al-Rahman fi tafsir kalam al-Mannan*. Ed. ke-3. t.tp.: Muassasah al-Risalah.
- al-Shaybani, al-Hafiz Abu Bakr °Amr bin Abi °Asim. 1413H/1993 *Kitab al-Sunnah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Suyuti, Jalal al-Din °Abd al-Rahman bin Abu Bakr. 1412H/1992. *al-Itqan fi °ulum al-Qur'an*. Ed. ke-2. Beirut: Dar Ihya' al-°Ulum.
- al-Tabarani, Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub. 1404H/1983. *al-Mu°jam al-kabir*. Ed. ke-2. Tahqiq. Hamdi bin °Abd al-Majid al-Salafi. t.tp.: Maktabah al-°Ulum wa al-Hikam.
- al-Tamimi al-Busti, Muhammad bin Hibban bin Ahmad. 1414H/1993. *Sahih*. Tahqiq. Shu°ayb al-Arna°ut. Ed. ke-2. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Tamimi, Muhammad bin Khalifah, Dr. 1417H/1996. *Mu°taqad Ahli al-Sunnah wa al-Jama°ah fi tawhid al-Asma wa al-Sifat*. t.tp.: Dar Ilaf al-Duwaliyyah.
- al-Tirmidhi, Muhammad bin °Isa. *Sunan*. Tahqiq. Ahmad Muhammad Shakir. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-°Arabi.

Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia
 abunaseh@pkrisc.cc.ukm.my
 fadlan@pkrisc.cc.ukm.my